

**Nizar Pemimpin Yang Mempunyai 'Mental Habit' Tidak Baik – Zambry
Bernama
6 Ogos, 2012**

LUMUT, 6 Ogos (Bernama) -- Tindakan Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Pasir Panjang Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin yang terus mengeluarkan kenyataan demi kenyataan tidak sepatutnya menunjukkan beliau seorang pemimpin yang mempunyai 'mental habit' tidak baik.

Menteri Besar Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata Timbalan Pesuruhjaya PAS Perak itu suka mengundang kontroversi dengan membuat kenyataan yang tidak sepatutnya walaupun semasa umat Islam menyambut Ramadan tanpa memikirkan kesannya terlebih dahulu.

"Ia merupakan mental habit bagi Nizar dan tidak menghairankan jika dia akan terus mengeluarkan kenyataan atau tweet yang kurang elok selepas ini," katanya kepada pemberita selepas Majlis Program Ihsan Ramadan dan Aidilfitri di Dewan Orang Ramai Kampung Batu 3, Segari, dekat sini hari ini.

Seramai 109 warga emas, tujuh orang kurang upaya dan lima anak yatim menerima sumbangan berupa duit raya dan barangan keperluan harian daripada Zambry dan isteri, Datin Seri Saripah Zulkifli.

Sabtu lepas, Mohammad Nizar, yang juga Anggota Parlimen Bukit Gantang, mengeluarkan tweet: "'Janji ditepati' malang perayaan kemerdekaan tahun ini dibuat oleh Kabinet BN, luntur semangat nak kibarkan Jalur Gemilang, jalur malang!", sekali gus membangkitkan rasa tidak puas hati di kalangan pemimpin dan rakyat Malaysia.

Namun, beliau menafikan telah menghina Jalur Gemilang dan menyalahkan pihak tertentu yang salah mentafsir kenyataan yang dikeluarkannya itu.

Pada Mei lalu, Mohammad Nizar mencetuskan kontroversi apabila mempertikaikan bidaan nombor plat WWW 1 pada harga RM520,000 oleh Sultan Johor.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685963>